

23 OCT 2003

Mahathir-Deepavali EMBARGO (1800/23 Okt)

GENERASI BARU PERLU TERUSKAN TOLERANSI DAN PERPADUAN KAUM, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Generasi baru perlu memainkan peranan penting untuk meneruskan sikap toleransi dan perpaduan antara kaum yang terjalin selama ini kerana mereka bakal mewarisi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan berharap sikap dan semangat yang diamalkan sekarang ini akan berterusan kerana ia boleh membawa banyak manfaat kepada rakyat.

Ini kerana perpaduan erat dan persefahaman yang terdapat antara kaum di Malaysia telah memudahkan kerajaan menumpukan perhatian terhadap pembangunan negara dan kemajuan rakyat, kata Dr Mahathir dalam perutusan sempena perayaan Hari Deepavali yang akan disambut esok.

"Sebenarnya sikap toleransi antara kaum yang diamalkan rakyat negara ini dikagumi dan menjadi idaman rakyat negara lain," katanya.

Ucapan Deepavali itu merupakan yang terakhir baginya sebagai Perdana Menteri dan sehubungan itu Dr Mahathir sekali lagi menyeru rakyat supaya meneruskan tradisi kunjung-mengunjungi ke rumah terbuka sahabat handai mereka.

"Gunakanlah peluang untuk menghadiri rumah terbuka rakan-rakan kita untuk terus mengeratkan hubungan sesama kita," katanya.

Dr Mahathir berkata cara rakyat hidup di Malaysia sungguh unik dan tidak terdapat di mana-mana negara lain.

Walaupun Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang majoriti penduduknya menganuti agama Islam, penduduk lain bebas menganut agama masing-masing dan hak mereka ini tetap terjamin dan termaktub di dalam perlembagaan negara.

"Inilah negara kita yang dicintai yang memberi kebebasan kepada penduduknya menganut agama dan mengamal budaya serta adat resam mereka tanpa perlu rasa terancam," katanya.

Beliau berkata inilah keistimewaan yang ada pada rakyat Malaysia dengan tidak kira apa perayaan dan untuk kaum mana pun, mereka akan sama-sama merayakannya hingga kemeriahannya dapat dirasakan bersama.

Amalan yang baik itu, kata Dr Mahathir, sudah tentu akan merapatkan lagi persahabatan antara mereka.

"Sekali lagi saya dan isteri saya mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua rakyat Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

JM AHH LAT